

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]**

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbelanjaan yang telah digunakan untuk J-KOM mengikut pecahan kategori jenis aktiviti, bilangan pekerja serta kontraktor dan perbelanjaan khusus untuk Covid-19

JAWAPAN

**YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 26 Ogos 2021, JKOM telah membelanjakan sejumlah RM2.178 juta bagi tujuan seperti berikut:
 - a. Sejumlah RM1.779 juta untuk bayaran emolumen, elaun dan tuntutan perjalanan bagi 52 kakitangan tetap dan 35 anggota MySTEP.
 - b. Sejumlah RM77.4 ribu adalah perbelanjaan pengoperasian pejabat yang merangkumi perbelanjaan bekalan, sewaan dan penyelenggaraan kelengkapan pejabat.
 - c. Sejumlah RM14,500.00 perbelanjaan khusus untuk pelaksanaan program berkaitan isu pandemik Covid-19 iaitu program menyantuni petugas barisan hadapan dan pesakit COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]
TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan pembahagian vaksin COVID-19 ke setiap negeri dan wilayah, senaraikan jumlah dos yang didapati oleh setiap negeri dan wilayah, dan rasional untuk memberikan keutamaan kepada negeri tertentu. Mengapakah kes masih meningkat di wilayah Sarawak walaupun sudah mencapai taraf immunisasi yang melebihi 80%.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Setakat 5 Oktober 2021, jumlah agihan bekalan vaksin adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Bekalan vaksin
1	Johor	5,706,280
2	Kedah	3,160,842
3	Kelantan	2,510,280
4	Melaka	1,427,750
5	Negeri Sembilan	1,775,898
6	Pahang	2,323,382
7	Perak	3,657,750
8	Perlis	382,170
9	Pulau Pinang	2,949,670
10	Sabah	4,880,476
11	Sarawak	4,302,020
12	Greater Klang Valley	14,355,386
13	Terengganu	1,817,860
14	W.P. Labuan	226,100
	Jumlah	49,475,864

Keutamaan agihan vaksin adalah bergantung kepada keperluan vaksinasi di negeri masing-masing termasuk keutamaan pelaksanaan fasa kawalan wabak bagi zon-zon merah yang tinggi di negeri-negeri tersebut.

NO. SOALAN : 38

Mengenai persoalan kes masih meningkat di Sarawak walaupun kadar imunisasi hampir 90% populasi dewasa, jumlah kes terkini di Sarawak telahpun menurun kepada 1,037 kes setakat 11 Oktober 2021 berbanding 3,743 kes pada 11 September 2021. Penurunan kes ini membuktikan bahawa vaksin COVID-19 berkesan dalam melindungi rakyat Malaysia terutamanya di Sarawak. Walau bagaimanapun, kajian masih dijalankan bagi menentukan keberkesanan vaksin terhadap *variant of concern* (VOC) COVID-19.

Sekian, terima kasih.